

21/09/2002

Belanjawan menyeluruh seimbangkan pelbagai keutamaan

BERLANDASKAN strategi teras meningkatkan pelaburan tempatan, mengenal pasti dan meneroka bidang baru, memantapkan sektor perkhidmatan awam, dan memupuk masyarakat progresif serta menjamin kesejahteraan rakyat, Bajet 2003 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam jelas amat menyeluruh. Sambil penekanannya adalah kepada aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan ekonomi lebih tinggi dengan sasaran di antara 6 hingga 6.5 peratus tahun depan, nilai-nilai kemanusiaan turut diberi tumpuan sama penting dalam mewujudkan keseimbangan dalam semua aspek dalam pembangunan negara. Malah, buat kali pertama juga, pembentangan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan selama 2 jam 35 minit itu tidak membabitkan sebarang kenaikan cukai atau pengenalan cukai baru.

Belanjawan yang mesra rakyat, prihatin dan penyayang kali ini membawa banyak khabar gembira kepada semua, baik secara langsung mahupun tidak langsung, tanpa hanya terbatas kepada kira-kira 950,000 kakitangan perkhidmatan awam yang akan mendapat pembayaran bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 - tertinggi sejak 1993. Pengurangan atau penghapusan cukai dan duti tertentu, pengenalan pelbagai galakan dan insentif serta agihan bermacam-macam bantuan yang diperluaskan meliputi kumpulan sasaran lebih besar, menjanjikan rakyat amnya akan mendapat manfaat, terutama dengan jangkaan meningkatnya kuasa beli di kalangan mereka. Pasti jika setiap rakyat dapat menambah produktiviti, maka KDNK serta daya saing negara juga akan meningkat dalam memacu Malaysia untuk terus meneroka pelbagai sempadan baru.

Bertepatan dengan unjuran penganalisis dan pakar ekonomi sebelum ini, pertumbuhan ekonomi negara harus dijana oleh sektor domestik dengan sasaran mendapatkan kadar pertumbuhan lebih besar tahun depan. Dalam hubungan ini, strategi yang dirangka adalah tepat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan dijana aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri tanpa terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) semata-mata. Dalam pada itu, ia juga menuntut industri tempatan agar lebih berdisiplin untuk meningkatkan pengeluaran dan pelaburan dalam memastikan matlamat itu tercapai sebagaimana dicita-citakan. Di sebalik cukai korporat dikekalkan pada 28 peratus - berlawanan dengan harapan sektor berkenaan - ia masih rendah berbanding negara serantau untuk mengekalkan daya saing Malaysia, apatah lagi jika diakui cukai korporat bukan satu-satunya penentu untuk menarik FDI.

Sambil itu, pengurangan cukai korporat bagi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan modal berbayar RM2.5 juta ke bawah, daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000, tidak syak lagi memberi manfaat besar kepada sektor berkenaan bagi meningkatkan daya saing di peringkat domestik dan juga global. Selain itu, beberapa galakan dalam sektor tertentu seperti pembuatan, pertanian dan perkhidmatan juga sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta. Ini seharusnya bertepatan jika mengambil kira mekanisme pertumbuhan ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan lebih didasarkan kepada komitmen perkhidmatan awam. Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, ketiadaan kenaikan cukai atau pengenalan sebarang cukai baru tidak bermakna kerajaan akan kekurangan sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan, tambahan dengan usaha akan dipergiatkan untuk meningkatkan pematuhan bayaran cukai.

Kebajikan dan faedah bagi wanita, belia dan golongan cacat turut tidak dilupakan. Jika Belanjawan 2002 memperuntukkan bayaran pencen kepada balu yang berkahwin semula, Bajet 2003 pula menawarkan keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok. Di samping itu, kerajaan turut menyediakan geran padanan untuk setiap RM1 sebagai bantuan kewangan merawat penyakit kronik bagi kumpulan berpendapatan rendah dengan dana awal RM100 juta. Perbelanjaan untuk membina atau membeli bangunan sebagai pusat penjagaan warga tua akan mendapat elaun bangunan khas 10 peratus selama 10 tahun. Golongan kurang upaya turut diberi peruntukan berjumlah RM19 juta manakala golongan cacat penglihatan bakal menerima geran RM2 juta bagi membantu mereka memperoleh komputer serta peralatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) agar mereka juga tidak tersisih daripada persaingan dalam pasaran pekerjaan.

Dalam memupuk semangat mengutamakan keluarga, cuti bersalin bapa dilanjutkan kepada tujuh hari daripada tiga hari bagi anggota lelaki perkhidmatan awam. Kerajaan juga bersetuju memberi cuti tanpa rekod tiga hari untuk anggota perkhidmatan awam yang kematian anggota keluarga terdekat untuk membantu mereka mengendalikan urusan keluarga. Malah, perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat yang menaja hari keluarga turut dibenar membuat pemotongan cukai. Kita percaya keutamaan ini dibuat dengan kesedaran bahawa jika sektor sosial tidak diseimbang dan dikukuhkan ketahanannya, maka apa juga pencapaian dalam ekonomi akan terhakis.

Keseluruhannya, Bajet 2003 memberi faedah menyeluruh kepada rakyat. Malah, semua pakej dan insentif diperuntukkan untuk bidang yang betul, seperti dalam pendidikan, kesihatan, pelancongan serta sektor lain yang memerlukan bantuan untuk terus merangsang aktiviti ekonomi dalam negara. Dari segi buah tangannya pula, hampir tiada siapa yang tersisih, dengan penduduk termiskin di kampung sekalipun bakal turut mendapat bahagian daripada peruntukan besar, antaranya untuk pertanian, pembangunan tanah dan wilayah, pembangunan kampung dan masyarakat serta jalan luar bandar, jalan kampung dan menyediakan bekalan air dan elektrik seiring dengan usaha meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan rakyat luar bandar. Sebagai insentif lanjutan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersikap positif dan sentiasa berusaha untuk membantu anggota masyarakat yang tidak bernasib baik, turut disediakan peruntukan RM102.1 juta dalam menyerlahkan belanjawan kali ini benar-benar prihatin terhadap keperluan segenap lapisan rakyat.